
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HIU 122 – Perluasan ‘Aqidah Islamiyyah: Konsep Dan Penghayatan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama. Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Bincangkan semua pernyataan di bawah serta kuatkan hujah anda dengan dalil-dalil ‘aqli dan naqli:
 - [a] **Rabb**(رب) dan **ilah**(الله), **salaf**(سلف) dan **khalaf**(خلف). [30 markah]
 - [b] Sifat **nafsiyyah**, **salbiyyah** dan **ma‘nawiyyah** menurut pandangan ulama khalaf. [40 markah]
 - [c] **Tawhid al-uluhiyah** (تَوْحِيدُ الْأَلَوَهِيَّةِ) dan **tawhid al-rububiyyah** (تَوْحِيدُ الرَّبُوبِيَّةِ) menurut pandangan ulama salaf. [30 markah]
2. Huraikan **dua** (2) perkara dasar berkaitan dengan ‘aqidah yang telah mencapai kata sepakat dan **dua** (2) yang masih belum mencapai kata sepakat oleh para ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*.
[100 markah]
3. Dalam usaha para ulama ‘aqidah membincangkan nama-nama dan sifat-sifat Allah s.w.t, beberapa perkara telah disentuh. Huraikan secara terperinci perkara-perkara berikut:
 - [a] **Tiga** (3) panduan asas yang telah disepakati oleh para ulama salaf. [50 markah]
 - [b] Perbezaan pendapat di antara salaf dan khalaf berkaitan dengan sifat **al-Istiwa’** (الاستواء). [50 markah]

BAHAGIAN B

4. [a] Berikan definisi dan dalil kepada istilah berikut:
 - [i] **Tawassul**.
 - [ii] **Tabarruk**. [20 markah]
- [b] Nyatakan kaedah *bertawassul* dan *tabarruk* yang dibenarkan oleh syara’. [50 markah]
- [c] Nyatakan 3 bentuk *tawassul* yang dilarang oleh syara’.
[30 markah]

...3/-

5. Firman Allah **فَإِذَا عَزَمْتُ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ**

“Apabila kamu telah berazam maka bertawakkallah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai mereka yang bertawakkal”.

al-Imran – ayat 159

- [a] Berdasarkan kepada ayat di atas, bincangkan hubungkait antara konsep tawakkal dengan aspek sebab musabab.

[50 markah]

- [b] Huraikan syarat-syarat yang diperlukan di dalam permasalahan *al-wala' dan al-bar'a'*.

[50 markah]

6. [a] Nyatakan kategori *al-syafa'ah* beserta dengan definisinya.

[50 markah]

- [b] Bincangkan konsep dan kepentingan *al-firasat* pada pandangan *syara'*.

[50 markah]